

**TNB Meterai Perjanjian Untuk Bangun Loji Tenaga Di Seberang Prai
Bernama
21 Januari, 2013**

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Tenaga Nasional Bhd (TNB) pada Isnin menandatangani tiga perjanjian untuk membina loji gabungan tenaga gas turbin di Seberang Prai, Pulau Pinang.

Kontrak membabitkan perjanjian perkhidmatan jangka panjang, yang dimeterai antara TNB Prai Sdn Bhd dan Siemens AG bagi tempoh 20 tahun itu, bernilai RM631 juta.

Yang lain termasuk kontrak kejuruteraan, pemerolehan, dan pembinaan (EPC) dengan Samsung Engineering & Construction Malaysia Sdn Bhd selama tiga tahun, bernilai RM1.85 bilion.

Perjanjian ketiga pula ialah antara TNB Prai Sdn Bhd dan TNB REMACO bagi operasi dan penyelenggaraan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Wira Azman Mohd berkata projek itu merupakan sebahagian daripada pelaburan lima tahun yang membabitkan peruntukan sebanyak RM9.7 bilion bagi membina kapasiti tenaga baharu untuk memenuhi permintaan bekalan elektrik negara yang semakin meningkat.

"Loji tenaga berkapasiti 1,071MW itu, yang dijadualkan siap pada 2015, akan mematuhi had pelepasan yang ditetapkan oleh Bank Dunia, dengan nilai kecekapan lebih 60 peratus," katanya pada taklimat media selepas menandatangani perjanjian itu.

Menerusi perjanjian itu, pihak yang terlibat akan membangunkan loji tenaga berlesen menggunakan teknologi gas turbin terkini, "Gas Turbin Kelas H".

Azman berkata projek itu merupakan usaha sama pertama TNB dengan Samsung E&C manakala Siemens mempunyai kehadiran semasa yang kukuh dalam TNB menerusi stesen jana kuasa di Connaught Bridge di Klang dan Putrajaya.

Beliau berkata antara ciri utama dalam kontrak EPC ialah keterangkuman struktur pakej pemindahan teknologi.

"Menerusi kepakaran kukuh dan latar belakang pembinaan oleh Samsung E&C, hari ini menandakan satu lagi usaha sama untuk projek utiliti tenaga di dalam dan luar negara," katanya.

Sementara itu, Azman berkata penyedia perkhidmatan bersepadu TNB bagi khidmat baik pulih dan penyelenggaraan loji tenaga, TNB REMACO, di jangka mencatat perolehan RM600 juta tahun ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=923226>